

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO. 141141

Minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah pandangan Kerajaan Malaysia berhubung dengan projek raksasa China Belt and Road. Apakah Kerajaan Malaysia akan mengambil bahagian dan menyertai projek ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Latar Belakang BRI

1. ***Belt and Road Initiative (BRI)*** yang sebelum ini dikenali sebagai *One Belt One Road (OBOR)*, merupakan suatu aspirasi yang diumumkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China (RRC) pada September 2013 untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan hubungan serantau. BRI merangkumi dua komponen utama iaitu **Laluan Jaringan Ekonomi Laluan Sutera** (*Silk Road Economic Belt*) dan **Laluan Maritim Kurun Ke-21** (*21<sup>st</sup> Century Maritime Silk Road*).
2. Setakat 30 April 2019, sebanyak **131 negara** merentasi 6 benua dan **30 pertubuhan antarabangsa** telah menandatangani dokumen kerjasama (*cooperation document*) dengan RRC dalam usaha membangunkan BRI.
3. Untuk makluman, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC telah menandatangani 'Memorandum Persefahaman untuk Menggalakkan

Pembangunan Ekonomi Secara Bersama dalam Lalan Sutra dan Lalan Maritim Kurun Ke-21 pada 13 Mei 2017.

Yang di-Pertua,

### **Projek-projek BRI**

4. Kebanyakan projek yang di bawah atau berkaitan dengan BRI adalah projek infrastruktur pengangkutan darat, pembangunan pelabuhan dan infrastruktur penjanaan elektrik. Antara projek-projek yang dilaksanakan di Asia termasuklah Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Jakarta-Bandung di Indonesia, pembangunan Pelabuhan Muara di Brunei serta pembangunan Bandar Pelabuhan Colombo di Sri Lanka.

5. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC belum berkeputusan menyenaraikan projek-projek di Malaysia dan RRC untuk dikategorikan sebagai projek BRI antara kedua-dua negara.

### **Pendirian Kerajaan Malaysia**

6. Kerajaan Malaysia mengalu-alukan cadangan projek atau program dua hala antara Malaysia dan RRC yang dapat **membawa manfaat** kepada negara kita. Antaranya adalah projek atau program yang dapat meningkatkan perdagangan, pelaburan langsung asing, pembangunan kapasiti, pemindahan teknologi kepada industri tempatan dan pembangunan infrastruktur negara. **Implikasi kewangan dan keselamatan negara** (*national security*) juga merupakan antara faktor pertimbangan utama sebelum Kerajaan Malaysia menyokong atau menyertai sesebuah projek, khususnya projek mega yang melibatkan penglibatan kerajaan atau syarikat swasta dari RRC.

7. Dari perspektif makro, Kerajaan berpendapat bahawa projek-projek BRI dalam negara-negara peserta BRI – sama ada berskala besar atau kecil, harus dipandang positif sekiranya projek-projek tersebut menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial pada peringkat global, tanpa mendatangkan risiko seperti ancaman kestabilan fiskal, impak negatif sosioekonomi dan pencemaran alam sekitar.

8. Untuk makluman, **kerjasama tiga pihak** (*tripartite cooperation*) turut digalakkan di bawah rangka kerjasama antarabangsa BRI. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia boleh menjalinkan kerjasama dengan sebuah negara BRI untuk membangun bersama projek di negara hos (*host country*) terpilih. Sehubungan dengan itu, model kerjasama awam swasta (*public-private partnership*, PPP) boleh diterapkan sebagai langkah strategik untuk melibatkan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia yang kompetitif dalam projek tersebut. Usaha ini mampu meningkatkan reputasi dan kompetensi syarikat-syarikat Malaysia untuk membida dan menerajui projek-projek terutamanya di negara/rantau yang kurang diterokai oleh syarikat tempatan.

9. Akhir kata, MITI sebagai kementerian yang dipertanggungjawab untuk perihal pelaksanaan dan pemantauan BRI di Malaysia, akan terus mengambil langkah-langkah proaktif dan sedia bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam dan sektor swasta untuk menjayakan usaha pelaksanaan BRI serta memanfaatkannya sebagai sebuah platform yang dapat memberikan faedah kepada pembangunan ekonomi dan industri negara.

Sekian, terima kasih.